

## INSTRUMEN PANTUN BERESTETIKA

### *RHYME AESTHETICS INSTRUMENTS*

**Nordiana binti Hamzah<sup>1</sup>**

Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
(Email: diana.azmi@fbk.upsi.edu.my)

**Farra Humaira binti Mohammad<sup>2</sup>**

Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
(Email: farrahumairah@fbk.upsi.edu.my)

**Hasrina binti Baharum<sup>3</sup>**

Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
(Email: hasrina@fbk.upsi.edu.my)

**Ros Silawati binti Ahmad @Abdullah<sup>4</sup>**

Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman.

**Ibrahim bin Bakar<sup>5</sup>**

Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim.

**Received date:** 25-11-2019

**Revised date:** 01-12-2019

**Accepted date:** 02-12-2019

**Published date:** 15-12-2019

**To cite this document:** Hamzah, N., Mohammad, F. H., Baharum, H., Ahmad @ Abdullah, R. S., & Bakar, I. (2019). Instrumen Pantun Berestetika. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 188-201.

**DOI:** 10.35631/ijhpl.280014

---

**Abstrak:** Pembinaan instrumen Pantun Berestetika (PB) merupakan satu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah kebangsaan dan juga di sekolah jenis kebangsaan. Pembinaan PB diuji di sekolah untuk mendapatkan maklum balas guru dan murid terhadap penggunaannya. Kertas kerja ini memfokuskan maklum balas guru dan murid terhadap penggunaan instrumen pantun berestetika. Reka bentuk kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian lapangan dan analisis dokumen di empat buah sekolah. Peserta kajian terdiri daripada empat orang guru dan 60 orang murid di sekolah rendah. Pemilihan peserta kajian secara rawak mudah. Instrumen yang digunakan senarai semak pemerhatian, protokol temubual dan analisis dokumen. Lokasi kajian di negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Negeri Sembilan. Dapatan kajian maklum balas guru menunjukkan penggunaan instrumen mempunyai keistimewaan dalam tiga aspek iaitu isi kandungan, kebolegunaan dan kebolehpercayaan manakala maklum balas murid mendapati instrumen PB mempunyai aspek pemikiran kritis, kaya perbendaharaan kata, komunikasi, kesediaan global, dan kolaboratif. Implikasi kajian ini diharapkan guru dan murid dapat menggunakan PB dalam pengajaran dan pembelajaran kerana mempunyai langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran yang bersistematik.

**Kata Kunci:** Instrumen Pantun Berestetika, Maklum Balas Guru dengan Murid, Temubual, Senarai semak Pemerhatian

**Abstract:** *The development of the Rhyme Aesthetic (RA) instrument is an innovation in teaching and learning Malay language in national schools and also in national-type schools. RA instrument coaching is tested in schools to get the teacher and student respond to its use. This study focuses teacher and student feedback to the use of aesthetic rhyme instruments. This form of study is qualitative and using the field study method and document analysis in four schools. Study participants consisted of four teachers and 60 students in primary schools. This study selection of randomized participants. The instrument used was a checklist of observations, interview protocols and document analysis. The location of the study at Perlis, Kedah, Kelantan and Negeri Sembilan. Obtaining an understanding of teacher's feedback shows that the use of instruments has features in three aspects content knowledge, usefulness and trustworthiness. Students understand that RA instruments have critical aspects of thinking, rich in vocabulary, communication, global readiness and collaborative. The implication of this study is that teachers and students can use RA instruments in teaching and learning because they have systematic teaching and learning steps.*

**Key words:** *Rhyme Aesthetic Instrument, Teachers and Students Feedback, Interview, Observation Check list*

---

## **Pengenalan**

Instrumen Penyelidikan ialah alat kajian untuk mengukur yang direka untuk mendapatkan data mengenai topik yang menjadi minat subjek penyelidikan. Instrumen yang direka dalam kajian ini ialah instrumen Pantun Berestetika (PB) yang akan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah kebangsaan dan juga dapat diaplikasikan di sekolah jenis kebangsaan. Pembinaan instrumen PB merupakan satu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah kebangsaan dan juga di sekolah jenis kebangsaan. Idea PB dihasilkan ekoran daripada penelitian standard kandungan dan standard pembelajaran kurikulum semakan yang memberi penekanan kepada aspek melafazkan pantun dua kerat dan empat kerat serta membina pantun empat kerat secara berpandu. Pembinaan pantun secara berpandu bagi murid tahap satu iaitu tahun satu hingga tiga bermaksud mengisi tempat kosong. Oleh itu, aspek binaan pantun tidak ditegaskan dalam buku teks dan buku panduan guru. Aspek estetika pantun meliputi aspek struktur luaran iaitu binaan pantun dan struktur dalaman pantun. Struktur luaran terdiri daripada baris, suku bilangan perkataan dan suku kata. Struktur dalaman pula ialah pemilihan pembayang yang terdiri daripada flora dan fauna serta perkaitan antara pembayang dan maksud. Sewajarnya, murid-murid pada peringkat sekolah rendah lagi diberi penekanan tentang aspek struktur luaran dan dalaman pantun agar mereka tahu bahawa pantun merupakan seni sastera tulen kepunyaan orang Melayu yang mempunyai estetika struktur luaran dan dalaman. Maklum balas guru dan murid kemudian dikumpulkan bagi tujuan penambahbaikan instrumen pantun berestetika.

## **Pernyataan Masalah**

Sukatan Pelajaran di sekolah kebangsaan telah mengalami beberapa transformasi, namun bahan sastera seperti pantun digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam setiap kemahiran iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, seni dalam bahasa serta tatabahasa. Transformasi sukatan pelajaran bermula dengan Kurikulum Sekolah Rendah (KSR), Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mempunyai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Penggunaan pantun dalam buku teks dan buku panduan guru mengikut standard pembelajaran yang ditetapkan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Penelitian dalam standard pembelajaran KSSR dan DSKP mendapati bahawa aspek pantun mempunyai standard pembelajaran seperti di bawah :

**Jadual 1: Standard Pembelajaran Pantun**

| STANDARD KANDUNGAN  | STANDARD PEMBELAJARAN   |
|---|---|
| 4.3 Menghasilkan bahan sastra dengan menyerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembahkannya secara kreatif. | 4.3.1 Mencipta bahan sastra secara berpandu dan mempersembahkan secara kreatif;<br>(i) pantun empat kerat<br>(ii) sajak |

Jika diteliti, standard pembelajaran, aspek struktur luaran dan struktur dalaman tidak dinyatakan dalam standard. Aspek yang ditekankan ialah mencipta pantun empat kerat secara berpandu. Jika diteliti dalam buku panduan tahun 3, secara berpandu bermaksud hanya mengisi tempat kosong bagi pembelajaran pembayang dan maksud yang mempunyai rima abab. Namun, aspek fizikal pantun ataupun struktur luaran tidak terdapat dalam buku panduan. Aspek ini memerlukan kebijaksanaan guru sama ada mereka mahu mengajar ataupun tidak. Oleh itu, amat wajar tafsiran terhadap berpandu itu diperluaskan dan dijadikan instrumen PB. Berdasarkan senario ini, pembelajaran yang bersistematik dalam memperkenalkan PB amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan literatur, kajian estetika pantun kebanyakannya berkisar kepada keindahan dalaman pantun yang mempunyai maksud tersirat. Apabila menyebut perkataan Pantun telah tergambar di minda, iaitu pantun itu kekayaan bangsa Melayu (Norazimah Zakaria et al., 2017). Pantun tergambar dalam semua aspek kehidupan orang Melayu (Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid, 2016). Menurut Nirwana dan Zulkifley (2016), kehidupan orang Melayu seperti kasih sayang, adat, budi, agama, kepahlawanan dan sebagainya jelas dirakam melalui pantun. Bahkan kajian pantun yang menggambarkan akal budi Melayu terlebih dahulu diakui oleh Wilkinson dan Winstedt dalam Nirwana dan Zulkifley (2016). Hal ini dapat dibuktikan melalui kata-kata mereka yang menganggap pantun Melayu sebagai pengungkap akal budi orang Melayu, mereka mengatakan:

Sebenarnya tidak mungkin bagi sesiapa pun untuk cuba memerikan akal budi orang Inggeris tanpa mengkaji sasteranya, atau mengkaji akal budi orang Scotland tanpa mengkaji Burns dan seterusnya tidak seorang pun dapat meramal ruang lingkup akal budi orang Melayu tanpa mengetahui pantunnya.

(Nirwana dan Zulkifley, 2016, p. 146)

Maka, keperluan untuk penggunaan PB harus dilakukan kerana jika tiada estetika dalam aspek struktur dalaman maka imej pantun sebagai akal budi orang Melayu seperti falsafah kehidupan dan keintelektualan (Muhamad Fadzilah Hj. Zaini, 2016 ; Muharroni, 2016; Mohd Rashid Md Idris, 2012) tidak dapat ditunjukkan kepada generasi muda. Dalam ketiga-tiga kajian ini, persamaannya ialah, pantun merupakan cerminan keintelektualan kerana dibina daripada unsur alam flora dan fauna yang menggambarkan bahawa orang Melayu sangat rapat

dengan alam. Semua unsur yang dilihat dengan menggunakan pancaindera yang tajam akhirnya dirakamkan dalam menghasilkan pantun.

Di samping itu juga, dalam kajian mereka menyatakan sikap orang Melayu terkenal dengan sifatnya yang lemah lembut, tidak mengkritik secara langsung tetapi apabila ingin memberikan kritikan mereka akan berkias dengan menggunakan pantun. Sehubungan dengan itu, aspek ini dinamakan estetika dalam pantun yang perlu dititikberatkan oleh sesiapa sahaja yang ingin menghasilkan pantun. Estetika pantun harus dijaga supaya golongan generasi muda tahu akan keistimewaan dan keunikan pantun. Lebih-lebih lagi murid tahun satu yang baru berada di sekolah rendah. Murid-murid tahun satu yang baru hendak berkenalan dengan pantun seharusnya mengetahui bahawa pantun itu terdiri daripada bait-bait kata yang indah dan terdiri daripada unsur-unsur alam. Pemilihan kata dalam pantun juga merupakan diksi yang indah dan disusun dalam susunan kata yang penuh rimanya seperti rima awal, rima tengah dan rima akhir.

Apabila dianalisis pantun yang menjadi isi pelajaran tahun satu hingga tahun tiga di sekolah rendah didapati terdapat pengabaian aspek struktural dan estetika pantun. Namun, setelah berlaku semakan buku teks tahun satu pada tahun 2016, aspek ini masih menjadi kajian untuk melihat sama ada estetika pantun masih dijaga ataupun masih lagi seperti dahulu. Hasil analisis mendapati, dalam aspek pembayang ataupun sampiran penggunaan unsur alam masih lagi diabaikan. Contoh ini dapat dilihat dalam pantun dua kerat *Mari Berpantun* (p.30):

Belikan Pak Long rambutan seikat  
Tolong menolong membawa berkat

Ganti nama orang iaitu Pak Long digunakan sebagai pembayang pantun. Pembayang pantun ataupun unsur sampiran haruslah menggunakan unsur alam. Masyarakat Melayu sangat sinonim dengan unsur alam sejak zaman dahulu lagi. Unsur alam sebagai pembayang menjadi kiasan kepada masyarakat Melayu. Sikap orang Melayu yang tidak suka berterus-terang tetapi mempunyai kesantunan bahasa dengan bahasa kiasan. Bahkan William Marsden (dalam Deborah J.Brannon, 2011) sendiri telah menyatakan bahawa pantun:

This pantun is a characteristic elaboration of the form, replete with allusions to a specific romance, images from nature, and geographical references.  
(Deborah J.Brannon , 2011)

Siti Hajar Che Man (2013) juga menegaskan dalam penciptaan sesebuah pantun, unsur estetika ini ialah sensitiviti terhadap keindahan luaran dan dalaman. Sensitiviti ini memberi implikasi untuk mendidik perasaan halus yang dapat membantu mendidik kehalusan budaya seseorang individu. Tambahan beliau lagi, pembayang pantun mengkehendaki seorang pencipta pantun perlu memiliki pelbagai ilmu dan pengetahuan adat resam, agama, falsafah dan lain-lainnya. Aspek estetika ini didapati tidak terdapat dalam pembinaan fizikal pantun dalam Semakan Buku Teks Tahun Satu 2016. Hal ini dapat dirujuk dalam pantun:

Contoh 1:  
Rambut ikal cantik terbentuk,  
Nampak indah berwarna perang;  
Treler motosikal ciptaan datuk,  
Untuk mudah mengangkut barang.

Contoh 2:  
Hinggap belatuk di palang besi,  
Besi bukan palang penghadang;  
Ciptaan datuk menjadi inovasi,  
Menjadi tarikan ramai peladang.

(Buku Teks Bahasa Melayu Semakan 2016, ms. 110)

Jika diteliti daripada pembayang Contoh 1, unsur alam dalam pembayang tidak ada namun diganti dengan unsur kontemporari imej masyarakat Melayu sekarang dan juga masyarakat di Malaysia yang suka berambut ikal dan berwarna perang. Namun, kesignifikan pemilihan imej tersebut tidak memberi implikasi kepada maksud pantun iaitu treler motosikal ciptaan datuk mudah untuk mengangkut barang. Apakah perkaitan antara rambut dan motosikal dan juga warna perang dan barang. Jika dahulu, falsafah atau pemikiran yang tercerna daripada pantun, namun mengapakah unsur ini tidak dipelihara dalam membina pantun murid-murid Tahun Satu lebih-lebih lagi mereka masih muda dan harus didedahkan dengan estetika pantun yang merupakan milik masyarakat Melayu.

Terdapat penambahbaikan dalam Contoh 2, kerana memilih unsur alam iaitu burung belatuk. Namun, apakah signifikannya burung belatuk hinggap di palang besi. Tidakkah terfikir bahawa resmi burung belatuk yang akan mematuk batang pohon dengan paruhnya. Bahkan burung belatuk memperoleh nama BELATUK juga disebabkan resminya yang suka mematuk. Apakah signifikannya untuk membiarkan burung belatuk hinggap di besi? Adakah untuk melihat kebodohan belatuk yang lupa kepada asal usulnya? Sewajarnya, unsur alam ini difikirkan dalam menyediakan sesebuah pantun yang berkualiti dan penuh berestetika. Sekali gus dalam melahirkan murid-murid yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi dengan bimbingan guru sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, amat penting inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran pantun dengan menggunakan instrumen PB. Oleh itu, dalam kajian Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum dan Farra Humairah Mohd (2017) yang mengkaji pantun dalam buku teks tahun satu hingga tiga serta yang terkini buku teks semakan tahun 2016 mendapati terdapat pengabaian estetika dalam penghasilan pantun. Kesenambungannya, adalah untuk menghasilkan PB bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai lima langkah standard pembelajaran yang bersistematik.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah untuk:

- menghasilkan instrumen PB dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan standard pembelajaran.
- menganalisis maklum balas guru dan murid terhadap penggunaan instrumen pantun berestetika.

### **Kajian Literatur**

Kajian instrumen dalam literatur kebanyakannya berkisar aspek pembinaan dan pengesahan instrumen (Nor Mashitah binti Mohd Radzi, 2017; Marina Ibrahim Mukhtar & Jamil Ahmad, 2013; Hudiya Adzhar, Aidah Abdul Karim, & Muhammad Uzair Sahrin, 2018) merupakan suatu kajian yang melibatkan metodologi yang sistematik berasaskan teori.

Antara kajian tentang pembinaan instrumen oleh Nor Mashitah Mohd Radzi (2017) yang membina dan mengesahkan Instrumen Pentaksiran Prestasi, Standard Awal Pembelajaran dan Perkembangan Awal Kanak-kanak yang menggabungkan 10 langkah pembentukan instrumen

oleh McNamara (1996), Turner (2001) dan Wortham (2012). Dapatan kajian dari sudut pedagogikal, kajian ini menyumbang secara langsung dengan membuka ruang kepada guru untuk menentukan tahap kandungan aktiviti yang lebih khusus dengan zon perkembangan kanak-kanak. Dari sudut reka bentuk model pemerhatian dalam kajian ini, proses pemerhatian terhadap prestasi kanak-kanak lebih jelas dan disahkan melalui dapatan empirikal, selari dengan konteks pentaksiran taska di Malaysia. Kajian ini sinonim dengan kajian Marina Ibrahim Mukhtar & Jamil Ahmad, (2013) yang membina Instrumen penilaian pelaksanaan Pentaksiran Kompetensi Persijilan Modular (PKPM) berdasarkan kajian ke atas teori-teori penilaian program dan berdasarkan kajian-kajian terdahulu di dalam dan luar negara. Kedua-dua kajian ini membina instrumen untuk tujuan penilaian pelaksanaan pentaksiran. Bersesuaian dengan inovasi yang dijalankan, instrumen PB dibina untuk menguji kefahaman murid-murid tentang aspek estetika struktur luaran dan dalaman bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Instrumen yang berkaitan dengan standard pembelajaran bahasa pula antaranya kajian Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang, Nur Fatin Zainuddin, & Mazlina Che Mustafa, (2018) yang membina Instrumen Literasi Awal (Instrumen Lit-A). Instrumen ini digunakan untuk mengukur beberapa komponen bahasa iaitu komponen bahasa dan komunikasi, komponen konsep cetakan dan cetakan persekitaran, komponen fonemik dan fonetik dan komponen bacaan dan kefahaman. Merujuk kajian-kajian instrumen ini, amat penting dalam pembinaan dan penggunaan instrumen berdasarkan teori pembinaan instrumen supaya pelaksanaan pembinaan instrumen mengikut standard yang betul.

Penggunaan pantun sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran lebih dikenali sebagai bahan sastra bagi tujuan kemahiran lisan, membaca dan menulis. Antara kajian yang mencadangkan pantun dalam pengajaran dan pembelajaran ialah kajian Nirwana Sudirman & Zulkifli Hamid, (2016). Dalam kajian ini mencadangkan pantun dapat digunakan dalam silibus pembelajaran sastra. Nilai-nilai murni yang terkandung dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu* khususnya boleh diketengahkan di peringkat sekolah bagi memupuk nilai-nilai baik dalam diri individu. Tambahan lagi, kajian ini pastinya akan membuka dan memberi ruang kepada pendidik bagi memperbanyak lagi cabang ilmu yang perlu diterokai bagi proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kajian Pantun yang lain berkisar tentang konsep, tema, metafora (Aida Qamariah Ishak, Salinah Ja'afar, & Ahmad Ramizu Abdullah, 2018; Muhamad Fadzilah Hj. Zaini, 2015) yang terdapat dalam pantun dan tidak berkait dengan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, wujud kelompangan dalam penggunaan pantun sebagai instrumen lebih-lebih lagi penggunaan pantun yang berestetika sebagai instrumen untuk mendidik murid-murid tentang aspek keindahan ataupun estetika dalam pantun.

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk kajian ialah kajian analisis dokumen, dan kajian lapangan. Alat kajian yang akan digunakan dalam menganalisis dokumen ialah senarai semak pemerhatian berdasarkan standard pembelajaran pantun yang mengandungi lima langkah pengajaran dan pembelajaran. Alat kajian yang akan digunakan untuk kajian lapangan ada dua alat iaitu instrumen PB untuk diaplikasikan penggunaan kepada murid-murid, senarai semak pemerhatian kebolegunaan instrumen, dan juga instrumen protokol temubual kepada guru-guru yang menjadi peserta kajian. Populasi kajian terdiri daripada murid-murid sekolah kebangsaan dan guru-guru sekolah kebangsaan. Jenis sampel yang dipilih ialah sampel rawak mudah. Lokasi kajian melibatkan sebuah sekolah di empat buah negeri iaitu: Negeri Kedah, Negeri Perlis, Negeri Kelantan dan di Negeri Sembilan.

Tatacara Kajian yang dijalankan untuk objektif pertama iaitu cara-cara menghasilkan instrumen PB dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan standard pembelajaran adalah seperti berikut:

Reka bentuk kajian ialah Kajian Kepustakaan dan Kajian Lapangan untuk menguji instrumen.

***Metodologi Pembinaan Instrumen PB Melibatkan 5 Fasa:***

- Fasa 1: Mengenal pasti indikator atau konstruk tentang pantun
- Fasa 2: Membina Item Bagi Setiap Konstruk
- Fasa 3: Kesahan Oleh Pakar Pantun
- Fasa 4: Kajian Rintis untuk kebolehpercayaan PB
- Fasa 5: Penambahbaikan instrumen

Tatacara Kajian yang dijalankan untuk memperoleh data bagi objektif kedua iaitu menganalisis maklum balas guru dan murid terhadap penggunaan instrumen pantun berestetika adalah seperti berikut:

Maklum balas guru dengan menggunakan instrumen protokol temu bual.

***Protokol Temubual:***

- Berapa lamakah masa yang anda perlukan untuk menjawab instrumen?
- Adakah arahan jelas?
- Adakah terdapat item-item yang tidak jelas? Jika ada, nyatakan item yang mana.
- Adakah terdapat mana-mana item yang anda tidak ingin jawab?
- Pada pandangan anda, adakah terdapat topik yang sensitif?
- Adakah komen-komen lain yang anda ingin kemukakan?
- Pada pendapat cikgu, adakah instrumen ini dapat membantu murid dalam pengajaran dan pembelajaran?
- Pada pendapat cikgu, apakah pengetahuan yang terdapat dalam instrumen ini yang boleh dikongsi oleh murid?

***Maklum Balas Murid Melalui Pemerhatian Guru dan Penyelidik.***

Senarai semak Pemerhatian berdasarkan aspek:

- Tumpuan murid (fokus/kurang fokus/tidak fokus)sebab:
- Pertanyaan murid (banyak/serdana /kurang/tiada)sebab:
- Kebolehan menjawab instrument (Cemerlang/serdana/lemah) sebab

***Kesahan dan Kebolehpercayaan PB***

Untuk mendapatkan kesahan dengan melantik tiga orang pakar untuk mengesahkan instrumen PB berdasarkan borang yang disediakan.(Jadual 5.3)

Untuk mendapatkan kebolehpercayaan instrumen dibuat kajian rintis di sekolah di Perlis (Jadual 5.4 dan 5.5)

**Tatacara Analisis Data**

Untuk objektif satu pemeringkatan analisis data melibatkan pengujian instrumen kepada murid-murid dan pengiraan berdasarkan skor min.

Untuk objektif dua, analisis data melibatkan analisis bertema. Proses yang berlaku ialah: transkripsi temubual, mengekod, mengkategorikan dalam sub tema dan akhirnya tema.

### Dapatan

Instrumen PB dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan standard pembelajaran yang melibatkan lima fasa:

#### *Fasa 1: Mengenal Pasti Indikator Atau Konstruk Tentang Pantun*

##### *Rujuk Tema*

Tema yang dipilih ialah tema kemasyarakatan, tema kesihatan dan kebersihan serta tema kebudayaan, kesenian dan estetika.

##### *Analisis Tema*

Analisis tema berdasarkan panduan yang diberikan dalam DSKP Tahun 3 2017

##### *Cerakinkan Tema*

Cerakinkan tema untuk membentuk lima pantun berdasarkan standard pembelajaran.

#### *Fasa 2 : Membina Item Bagi Setiap Konstruk*

**Jadual 2: Standard Pembelajaran PB**

| STANDARD KANDUNGAN  | STANDARD PEMBELAJARAN   |
|---|---|
| 4.3 Menghasilkan bahan sastra dengan menyerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembahkannya secara kreatif. | 4.3.1 Mencipta bahan sastra secara berpandu dan mempersembahkan secara kreatif,<br>(i) pantun empat kerat<br>(ii) sajak |

Sumber: DSKP Semakan Tahun 3 2017

Merujuk kepada Standard Pembelajaran dalam jadual 4.1, inovasi yang dicadangkan adalah untuk memperkenalkan struktur luaran dan dalaman pantun kepada murid-murid terlebih dahulu sebelum mereka mencipta pantun empat kerat secara berpandu. Murid-murid harus terlebih dahulu mengenal fizikal dan jenis-jenis pantun sebelum mereka diajar untuk mencipta pantun secara berpandu. Inovasi yang dicadangkan seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Standard Inovasi yang Dicadangkan**

| Standart Kandungan   | Standart Pembelajaran   |
|--|---|
| 4.3 Menghasilkan bahan sastra dengan menyerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembahkannya secara kreatif | 4.4.3 Mencipta puisi secara berpandu<br>i) bilangan baris pantun<br>ii) bilangan perkataan<br>iii) bilangan suku kata<br>iv) pemilihan pembayang secara berpandu<br>v) pemilihan maksud secara berpandu |



### ***Semakan dan Pemurnian PB***

Semakan dan Pemurnian Pantun oleh penyelidik berdasarkan Senarai semak pembinaan pantun secara berpandu yang terperinci (Jadual 4).

### ***Fasa 3: Kesahan oleh Pakar Pantun***

Lantikan tiga orang pakar pantun (Guru Pakar, Pensyarah Pakar dan Pakar Penulis Pantun) Aspek yang dinilai berkait dengan standard pembelajaran yang telah diinovasi langkah pengajaran dan pembelajaran.

**Jadual 4: Kesahan Pakar**

| <b>Tema</b>                       | <b>Item</b>                                 | <b>Pakar 1</b> | <b>Pakar 2</b> | <b>Pakar 3</b> |
|-----------------------------------|---|----------------|----------------|----------------|
| Kesihatan dan kebersihan          | Ketepatan pemilihan kosa kata pantun        | Ya             | Ya             | Ya             |
|                                   | Format pantun                               | Ya             | Ya             | Ya             |
|                                   | Kejelasan maksud flora dan fauna            | Ya             | Ya             | Ya             |
| Kemasyarakatan                    | Ketepatan bilangan baris pantun dengan rima | Ya             | Ya             | Ya             |
| Kesenian, Kebudayaan dan Estetika | Ketepatan bilangan perkataan                |                | Ya             | Ya             |
|                                   | Ketepatan bilangan suku kata                | Ya             | Ya             | Ya             |
|                                   | Pemilihan pembayang                         | Baiki          | Baiki          | Ya             |
|                                   | Pemilihan maksud                            | Ya             | Ya             | Ya             |
|                                   | Perkaitan pembayang dan maksud              | Baiki          | Baiki          | Baiki          |

### ***Fasa 4: Kajian Rintis Uji Instrumen Pantun***

Kajian Rintis:

- Kelas Tahun 3 Sekolah Kebangsaan Terpilih
- Masa: 10.00 hingga 11.00 PAGI (1 JAM)
- Jumlah Murid: 30 orang

### ***Fasa 5: Penambahbaikan Instrumen***

Proses penambahbaikan instrumen berlaku sewaktu kajian dibuat di keempat-empat buah sekolah yang terpilih.

### **Perbincangan**

Aspek perbincangan meliputi aspek maklum balas guru dan murid berkaitan instrumen PB.

### ***Maklum Balas Guru***

#### ***Isi Kandungan***

Pembinaan PB kerana mengambil kira faktor pantun-pantun yang terdapat dalam buku teks yang perlu dibaiki aspek estetika dari segi struktur luaran dan dalaman kerana pantun Melayu merupakan wahana yang paling jelas dalam mencerminkan pemikiran dan corak kehidupan orang Melayu (Nirwana Sudirman & Zulkifli Hamid, 2016). Aspek penciptaan pantun merangkumi pembayang maksud dan maksud pantun. Kedua-duanya sama penting.

Pembayang maksud membawa nilai estetika yang seumpama roh sementara maksud pantun pula seumpama jasad. Pantun Melayu menjadi tidak menarik sekiranya suasana lemah bagi pembayang maksud dan suasana sedih bagi maksud (Rashidah Mohd, Saedah Siraj, & Zaharah Hussin, 2018). Pelbagai isi kandungan pantun sebelum ini lebih kepada maksud yang ingin disampaikan tidak kepada aspek struktur fizikal pantun. Struktur fizikal pantun juga mempunyai nilai estetika dari aspek bilangan perkataan, bilangan suku kata, bilangan baris dan rima pantun. Binaan seperti ini disebut sebagai *minimal art* yang mengungkapkan dunia yang kompleks lagi sulit dalam ruang wacana yang kecil dipadankan pula dengan jumlah perkataan yang minimum. Pencipta pantun dapat diibaratkan seorang pengukir yang hebat (Siti Hajar Che Man, 2013).

Instrumen PB yang digunakan berbeza dengan instrumen sedia ada kerana diperincikan mengikut tema yang terdapat dalam DSKP KSSR (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Sebelum ini soalan daripada pantun berbentuk pemahaman berkaitan isi kandungan/maksud pantun dan nilai/pengajaran daripada pantun (Buku Teks Tahun 1 Bahasa Melayu, 2016). Instrumen dalam kajian tertumpu kepada aspek yang terdapat dalam pantun itu sendiri khususnya aspek estetika. Sebelum ini tidak diberi perhatian terhadap bilangan perkataan atau suku kata dalam pantun. Penggunaan instrumen ini sangat wajar kerana terdapat tambah baik apabila pembayang dalam pantun sebelum ini lebih kepada nama tempat dan nama orang (Buku Teks Tahun 1 Bahasa Melayu, 2016). Para guru mengajar pantun dengan menggunakan pengetahuan sedia ada mereka bukan melalui panduan mengajar pantun yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia ataupun Bahagian Pembangunan Kurikulum.

### ***Kebolegunaan***

Para guru yang terlibat dalam kajian menyatakan bahawa instrumen pantun berestetika sangat sesuai digunakan kerana mempunyai pendekatan yang bersistematik dalam mengajar pantun. Guru lebih yakin jika menggunakan instrumen ini untuk mengajarkan pantun kerana mempunyai kebolegunaan penekanan terhadap aspek struktur dan dalaman seperti yang dikatakan oleh Ghazali Darusalam (2005), kebolegunaan (Usefulness), ialah kemampuan membuat keputusan berhubung dengan perkara yang cuba dicari atau dihasilkan kerana keputusan dari penilaian tersebut boleh menyediakan maklumat yang bermakna mengenai tajuk dan pembolehubah yang hendak diukur untuk menginferenkan data kajian. Di samping itu, instrumen PB memperoleh semakan daripada tiga orang pakar pantun dan mencapai tahap kebolegunaan (Wah, 2016). Instrumen sangat membantu guru dalam pdp pantun dan pdp mata pelajaran lain kerana terdapat unsur penerapan ilmu dalam pantun yang terdapat dalam instrumen berkenaan. Aspek kebolegunaan seperti ketepatan pemilihan kosa kata pantun, format pantun, kejelasan maksud flora dan fauna, ketepatan bilangan baris pantun dengan rima, ketepatan bilangan perkataan, ketepatan bilangan suku kata, pemilihan pembayang, pemilihan maksud dan perkaitan pembayang dan maksud diuji oleh pakar dan dibuat penambahbaikan bagi membaiki aspek kebolegunaan. Hal ini sejajar dengan pandangan yang diperkenalkan oleh Nielsen (1994). Teknik penilaian kebolegunaan dianggap lebih cepat bagi menganalisis tugas, pembangunan prototaip dan mengurangkan kekangan semasa pengujian terutamanya kepada penyelidikan yang baru diceburi. Jumlah penilai yang dipilih adalah mencukupi bagi menilai kebolegunaan kajian ini. Menurut Nielsen (1994), jumlah antara tiga hingga lima orang sudah mencukupi kerana pandangan berbeza dari setiap pakar adalah lebih produktif (dalam Fadzilah, Noor, Judi, & Rahim, 2018). Lebih-lebih lagi PB membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran kerana mempunyai langkah-langkah yang sistematik dalam mempelajari PB.

### ***Kebolehpercayaan***

Guru berpendapat murid pasti dapat menjawab instrumen pantun kerana disediakan secara berperingkat dan jelas. Bahagian paling mudah ialah instrumen satu dan dua yang meliputi aspek bilangan baris pantun. Bahagian paling sukar ialah instrumen tiga, empat dan lima yang merangkumi aspek bilangan perkataan, bilangan suku kata dan maksud pantun. Instrumen PB telah menjalani kajian rintis :

**Jadual 5: Kajian Rintis Tahap Pengetahuan Murid Terhadap Aspek Estetika Pantun**

| <b>Item</b>           | <b>No item</b> | <b>Skor</b>            |
|-----------------------|----------------|------------------------|
| Bilangan baris pantun | No 1 dan 2     | 120/30=4 (Sangat baik) |
| Bilangan perkataan    | No 3 dan 4     | 80/30=2.6 (Baik)       |
| Bilangan suku kata    | No 5 dan 6     | 30/30=1 (Lemah)        |
| Rima                  | No 7 dan 8     | 30/30=1 (Lemah)        |
| Pemilihan pembayang   | No 9           | 80/30=2.6 (Baik)       |
| Pemilihan maksud      | No 10          | 70/30=2.3 (Sederhana)  |

Skor Min Kajian Rintis dirujuk melalui Jadual 6

**Jadual 6: Skor Min**

| <b>Skor Min</b> | <b>Tafsiran</b> |
|-----------------|-----------------|
| 0.0-0.8         | Sangat Lemah    |
|                 | Lemah           |
| 1.7-2.4         | Sederhana       |
|                 | Baik            |
| 3.3-4.0         | Sangat Baik     |

Diadaptasi daripada Buku panduan pembinaan instrumen "Anda dan Kepenggunaan".  
Mohd Sahandri Gani Hamzah et al. (2013)

Proses pdpc dalam pengajaran dan pembelajaran pantun di 4 buah sekolah dan menguji semula untuk menambah baik aspek sederhana, lemah dan sangat lemah.

### ***Maklum Balas Murid***

Instrumen PB memudahkan murid memahami pantun. Instrumen membolehkan mereka menghayati aspek estetika kerana diberi fokus dalam aspek fizikal/ binaan instrumen. Murid dapat menilai pantun dan diberi pendedahan dengan banyak pantun. Instrumen membantu memberi idea murid untuk membina pantun berestetika. Pengayaan bahasa: terdapat kosa kata yang lebih tinggi diperkenalkan dalam instrumen yang berguna kepada murid. Penggunaan kosa kata yang pelbagai membantu murid dalam pembelajaran kemahiran penulisan. Instrumen turut menerapkan unsur budaya masyarakat Malaysia. Terdapat penambahan kosa kata yang berfokus kepada flora dan fauna. Kajian Kartini Abd Wahab, (2016) meneliti profil tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu, dari perspektif ekolinguistik. Leksikon tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu dapat diklasifikasikan kepada kategori bunga, buah, daun, pokok dan sayuran. Dari perspektif ekolinguistik, kepelbagaian leksikon tumbuh-tumbuhan dalam pantun ini menunjukkan kewujudan jenis tumbuh-tumbuhan di tempat di mana, ia digunakan oleh masyarakatnya. Tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu juga didapati dideskripsikan profilnya dari segi habitat, ciri botani, di samping maklumat tentang khasiat, kandungan, lokasi tumbuh-tumbuhan dan kegunaannya. Sekali gus, kosa kata

yang terdiri daripada flora dan fauna menambah perbendaharaan kata murid-murid yang menggunakan instrumen PB.

Sehubungan dengan itu, proses kognitif bahasa berkembang dalam diri murid-murid yang menggunakan instrumen PB. Menurut teori kognitif, ilmu pengetahuan dibangun dalam diri seorang individu melalui proses interaksi yang berkesinambungan dengan lingkungan. Proses ini tidak berjalan secara terpisah-pisah, tetapi melalui proses yang mengalir, bersambung-sambung dan menyeluruh (Sutarto.M.Pd, 2017). Sewaktu proses ini berlangsung, murid-murid didapati banyak bertanya kepada rakan-rakan, kepada guru dan kepada penyelidik. Penyoalan yang dikemukakan merupakan proses pembelajaran. Secara tidak langsung, elemen ini merangsang kemahiran berfikir aras tinggi murid-murid. Aspek ini selari dengan kajian Chew Fong Peng, Zul Hazmi Hamad, Chew, & Zul Hazmi Hamad, (2018) yang menemukan para guru lebih terbuka dalam membenarkan murid bagi mengepalai sesuatu PdPc dan keluar daripada kepompong sedia ada, iaitu aktiviti yang berpusatkan guru semata-mata. Hal ini jelas menunjukkan aktiviti berpusatkan murid aktif berlangsung dalam pengajaran dan pembelajaran. Proses ini menjadikan murid lebih berfikiran kritis dan kreatif dalam menuntut ilmu.

Murid juga berbincang dan berlaku proses komunikasi dalam kumpulan semasa menjawab pantun. Komunikasi perbincangan ini menjadikan pembelajaran lebih aktif. Murid-murid berkolaborasi antara satu sama lain. Sikap murid-murid ini selari dengan pendekatan konstruktivisme iaitu murid-murid membina idea baharu apabila mendapat pengetahuan atau pengalaman baharu (Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman, 2014). Murid menggunakan *google search* untuk mencari maksud perkataan. Kemahiran ICT secara tidak langsung diterapkan kepada murid-murid. Kemahiran ini merupakan kemahiran belajar yang seiring dengan era pendidikan 4.0. Melalui pencarian di *google search*, mereka dapat mengenali unsur flora dan fauna dengan pelbagai nama mengikut nama standard ataupun dialek. Para murid juga dapat mengenali kesenian dan kebudayaan negara melalui tema pantun yang dikongsi oleh para penyelidik. Secara tidak langsung, murid-murid memperoleh kesediaan global yang bermaksud kewarganegaraan global dengan multiliterasi yang diperlukan pada abad ke-21 untuk mengambil bahagian, bekerjasama, dan bekerja dalam masyarakat global (Carpenter & Justice, 2017). Di samping itu, kesediaan global dalam pendidikan mengiktiraf nilai sejagat dan menggalakkan sikap terbuka dan toleransi. Hal ini dapat dipupuk melalui penggunaan instrumen PB.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, instrumen PB, dapat membantu guru-guru serta murid-murid mengimplementasikan mengikut Standard Pembelajaran dan Standard Kandungan yang ditetapkan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum. Kemandirian murid dapat dilakukan dengan menggunakan instrumen P kerana pembelajaran menjadi aktif sekali gus melahirkan murid yang kritis dan kreatif serta mahir ict, berkolaboratif, berkomunikasi, luas dalam perbendaharaan kata, dan mempunyai kesediaan global. Kepelbagaian aktiviti yang dapat disampaikan dengan menggunakan pendekatan, kaedah dan teknik yang berbeza-beza serta dibantu dengan bahan bantu belajar dan bahan bantu mengajar yang menarik sudah pasti dapat memberi impak prestasi dalam pembelajaran bahasa Melayu murid-murid. Aspek ini harus dipandang serius kerana pantun merupakan akar budaya kita. Oleh itu, sewajarnya kita berbalik kepada tradisi dengan menjadikan pantun sebagai saluran komunikasi dan pedoman dalam kehidupan seharian. Ungku Aziz (dalam Siti Hajar Che Man (2013, p.81) menyatakan “bagi saya pantun menunjukkan kebijaksanaan dan kreativiti orang Melayu ketika itu. Hal ini membuktikan keupayaan orang Melayu ketika itu jauh lebih baik daripada sekarang”. Kata-

kata ini sewajarnya dipandang serius oleh para akademik khususnya pihak yang terlibat dalam dunia pendidikan bahasa untuk sama-sama menggembeleng intelektual kembali kepada falsafah Melayu yang banyak terkandung dalam pantun.

## Rujukan

- Abdul Rahman bin Che Ngah, Amir Hazlin bin Lin, Siti Sarah binti Abdul Malik & NurFarah Lo binti Abdullah. (2016). *Bahasa Melayu Tahun 1*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aida Qamariah Ishak, Salinah Ja'afar, & Ahmad Ramizu Abdullah. (2018). Pantun kanak-kanak dari perspektif semiotik riffaterre. *Jurnal Melayu*, 88–109.
- Carpenter, J. P., & Justice, J. E. (2017). Can Technology Support Teaching for Global Readiness? The Case of the Global Read Aloud. *Learning Landscapes*, 11(1), 65–85. <https://doi.org/10.36510/learnland.v11i1.923>
- Chew Fong Peng, Zul Hazmi Hamad, Chew, F. P., & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu Melalui Teknik Penyooalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 1–12.
- Deborah J. Brannon. (n.d). There is That Line Again: Revealing the Pantoum in Context. Diperoleh daripada <http://stonetelling.com/issue3-mar2011/brannon-pantoum.html>
- Fadzilah, S., Noor, M., Judi, H. M., & Rahim, N. S. (2018). Teknik visualisasi maklumat syarah Hadis. *Journal of Hadith Studies*, 3(1), 19–35.
- Ghazali, H. D. (2005). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif dan kuantitatif. *Journal Pendidikan: Maktab Perguruan Islam*, (1985), 61–82.
- Hudiya Adzhar, Aidah Abdul Karim, & Muhammad Uzair Sahrin. (2018). Pembangunan Instrumen Penerimaan E-Pembelajaran Pelajar Pascasiswazah Menggunakan Analisis Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 147–155. <https://doi.org/DOI: http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2017-42.02-08>
- Kartini Abd Wahab. (2016). Profil tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu. *Profil Tumbuh-Tumbuhan Dalam Pantun Melayu (Plants Profile in the Malay Pantun)*, 12(11), 29–43.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum standart sekolah bahasa Melayu sekolah kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Marina Ibrahim Mukhtar, & Jamil Ahmad. (2013). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Kompetensi Persijilan Modular ( Pkpm ). In *ICSSR* (pp. 320–326). Penang.
- Mohd Rashid Md Idris. (2012). Nilai Kebijaksanaan Melayu Dalam Pantun. *Ulum Islamiyyah Journal*, 9, 3–18.
- Muhamad Fadzilah Hj. Zaini. (2015). Analisis Pemetaan Metafora Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Melayu : Satu Tinjauan Awal. In *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu 2015* (pp. 202–203). UPM.
- Muhamad Fadzilah Hj. Zaini. (2016). Analisis Semantik Kognitif Pantun Melayu, (December). <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.33371.36640>
- Muharroni. (2016). Nilai Estetik Pantun dalam Tradisi Nikah Kahwin Masyarakat Melayu Tanjung Pinang Riau Indonesia.
- Nirwana Sudirman, & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun melayu sebagai cerminan kebitaraan perunggu minda melayu, 15(2).
- Nirwana Sudirman, & Zulkifli Hamid. (2016). Pantun melayu sebagai cerminan kebitaraan perunggu minda melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2).
- Nor Mashitah binti Mohd Radzi. (2017). *Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Pentaksiran Prestasi Standard Awal Pembelajaran dan Perkembangan Awal Kanak-Kanak*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Siti Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman, & Rosmah Derak. (2017). Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun Akal Budi and Reflection of Malay Identity in Pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special Issue)*, 4, 89–97.
- Nordiana Hamzah.(2014). Pengabaian estetika pantun. *Dalam Monograf Sinar Bahasa*.82-96. Jitra: Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman.
- Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum & Farra Humairah Mohd (2017). Analisis Modul Seni Bahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Semakan 2016 dalam *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*(p. 469- 4
- Rashidah Mohd, Saedah Siraj, & Zaharah Hussin. (2018). Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi dalam Pembangunan Modul Pengajaran Pantun Melayu berasaskan Maksud Al-Quran Mengenai Keindahan Flora, Fauna dan Langit Tingkatan 2. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) APLIKASI*, 8, 57–67.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian pantun: rencah dan leluhur bangsa dulu, kini dan selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 75–81.
- Sutarto.M.Pd. (2017). Teori Kognitif dan Implikasinya dalam Pembelajaran. *Islamic Counseling*, 1(02), 1–26.
- Wah, L. L. (2016). Instrumen Penilaian Kualiti untuk Modul Pengajaran:Pengujian Ciri Psikometrik. *Jurnal Kurikulum &Pengajaran Asia Pasifik*, 4(4), 25–43.
- Yahya Othman, & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah (The Ability to Master the Writing Skills Through Project Based Learning in Writing Brochure in the Primary School). *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 4(1), 2180–4842. Retrieved from [http://journalarticle.ukm.my/7110/1/19-29\\_Yahya\\_et\\_al.UKM.pdf](http://journalarticle.ukm.my/7110/1/19-29_Yahya_et_al.UKM.pdf)
- Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang, Nur Fatin Zainuddin, & Mazlina Che Mustafa. (2018). Tahap Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-Kanak berusia 2 + Tahun. In *Persidangan Antarabangsa Pedagogi Islam dalam Pendidikan 2017* (pp. 1–10). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultn Idris Tanjung Malim.